



Agong berkenan terima ijazah kehormat doktor falsafah UIAM

Essa Abu Yamin - Mei 20, 2023 @ 2:22pm
essabuyamin@bh.com.my



Al-Sultan Abdullah bersama Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah menunjukkan ijazah kehormat doktor falsafah (PhD) diterima baginda pada majlis konvokesyen khas sempena sambutan ulang tahun ke-40 UIAM di Gombak, hari ini. -
NSTP/Asyraf Hamzah

GOMBAK: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini berkenan menerima ijazah kehormat doktor falsafah (PhD) dalam kepimpinan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pengiktirafan itu diberikan pada istiadat konvokesyen khas sempena sambutan ulang tahun ke-40 universiti berkenaan di sini, disampaikan oleh Ketua Perlembagaan UIAM, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Yang turut hadir pada konvokesyen khas berkenaan ialah Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Seri Abdul Razak Jaafar dan Presiden UIAM, Tan Sri Samsudin Osman.

Menurut kenyataan Pejabat Komunikasi, Advokasi dan Promosi UIAM, penganugerahan itu salah satu penghargaan kepada baginda yang ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada Julai 2019.

"Kepimpinan baginda terserlah apabila bersama-sama rakyat jelata memimpin negara ketika wabak COVID-19 melanda dunia dan negara. Sikap keprihatinan Tuanku membantu rakyat dan memberikan semangat kepada warga barisan hadapan untuk sama-sama bangkit dan melawan COVID-19," katanya.

Katanya, keprihatinan baginda dapat dilihat dengan jelas ketika setiap kali mendengar rakyat ditimpa bencana dan akan segera mencemar duli untuk bertanya khabar, memberi kata-kata semangat dan mengurniakan sumbangan peribadi.

"Melihat kepada ketidaktentuan situasi politik negara, sesungguhnya institusi beraja menggalas tanggungjawab amat besar menjalankan amanahnya. Ketokohan dan kepemimpinan Tuanku terserlah apabila kemelut politik yang melanda negara dirungkaikan dengan penuh berhemah dan profesional.



Al-Sultan Abdullah bertitah pada majlis konvokesyen khas sempena sambutan ulang tahun ke-40 UIAM di Gombak, hari ini. - NSTP/Asyraf Hamzah

"Sikap kepemimpinan Tuanku juga boleh dilihat daripada pelbagai aspek dan bidang di dalam dan luar negara," katanya.

Ketika bertitah, Al-Sultan Abdullah menzahirkan ucapan terima kasih kepada UIAM dan berbesar hati dianugerahkan ijazah kehormat berkenaan yang disifatkan bukan untuk pencapaian diri baginda sahaja tetapi juga mengiktiraf nilai dan peranan rakyat di Malaysia.

"Dalam tempoh lima tahun yang lalu, secara tidak langsung beta memperolehi pengalaman dalam hal kepemimpinan dan kepentingannya. Kepemimpinan adalah sebahagian daripada tanggungjawab beta dan tanggungjawab itu dipikul bukan untuk ganjaran atau pengiktirafan peribadi," titah baginda.

Al-Sultan bertitah, beberapa tahun kebelakangan, baginda menyedari peranan penting yang dimainkan oleh kepemimpinan dalam menyatukan semua pihak dan mendorong rakyat ke hadapan bagi merebut peluang dan memupuk kemakmuran sebagai sebuah negara.

"Kita mesti sentiasa mengingatkan diri kita bahawa kepemimpinan secara intrinsik berkaitan dengan mereka yang berkhidmat. Seperti pepatah melayu menyatakan 'tiada rakyat tiada pemimpin'," titah baginda.



Al-Sultan Abdullah bersama Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berangkat meninggalkan majlis konvokesyen khas sempena sambutan ulang tahun ke-40 UIAM di Gombak, hari ini. Turut mengiringi, Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. - NSTP/Asyraf Hamzah



BH
ONLINE

Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah bertitah pada majlis konvokesyen khas sempena sambutan ulang tahun ke-40 UIAM di Gombak, hari ini.

- NSTP/Asyraf Hamzah